



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Rugi RM300,000 diperdaya Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 1 January 2021

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 26

# Rugi RM300,000 diperdaya Macau Scam

**Kuala Terengganu:** Bimbang ditangkap kerana konon didakwa terbabit dalam kes pengubahan wang haram, seorang pesara wanita kerugian lebih RM300,000 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan Macau Scam.

Kejadian dipercayai bermula pada awal Disember lalu selepas wanita berusia 70-an itu menerima panggilan individu yang mendakwa daripada syarikat telekomunikasi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Superintendan M Zambri Mahmud, berkata individu terbabit kemudian memaklumkan mangsa dikesan ada membuat permohonan lesen judi atas talian.

Mangsa menafikan tuduhan

itu sebelum panggilannya disambungkan kepada 'anggota polis' yang memperkenalkan diri sebagai 'Sarjan Mustafar', 'Inspektor Mazlan' dan 'Inspektor Maria Adriana' yang bertugas di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pahang.

"Suspek memaklumkan mangsa dikehendaki pihak berkuasa kerana terbabit dengan kes pengubahan wang haram sebelum diminta memberikan maklumat akaun bank kononnya untuk tujuan audit dan siasatan.

"Mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa ketika itu memasukkan semua wang simpanannya ke dalam akaun miliknya (yang maklumat diberi kepada sindiket) selain sanggup mencairkan pelaburannya dengan pihak bank

berjumlah lebih RM300,000.

"Bagaimanapun, mangsa dapati berlaku 28 kali transaksi pindahan wang daripada akaunnya itu ke dalam tujuh akaun berbeza tidak dikenali tanpa pengetahuannya membabitkan keseluruhan transaksi bernilai lebih RM300,000," katanya.

M Zambri berkata, mangsa hanya sedar ditipu selepas kehilangan wangnya dan membuat laporan polis pada Selasa lalu.

Katanya, siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Dalam pada itu, M Zambri turut mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati sekiranya menerima panggilan telefon sa-

ma ada melalui talian mudah alih atau talian tetap yang mengaku daripada pihak penguat kuasa atau mana-mana agensi kerajaan dan meminta maklumat perbankan atau kewangan.

Katanya, orang ramai dinasihatkan membuat semakan terlebih dahulu sekiranya menerima panggilan seumpama itu.

"Jangan sesekali memberikan maklumat perbankan internet kepada pihak yang tidak dikenali.

"Peringatan seperti ini sudah kerap kali diuar-uarkan sebelum ini tetapi masih ramai lagi yang menjadi mangsa sindiket penipuan membabitkan jumlah kerugian yang agak besar," katanya.